


## SUSULAN PENGIMBAS SUHU BADAN CAP AYAM

# Ada tak kena kalau harga murah sangat



Oleh Ahmad Rabiuul  
Zulkifli  
am@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

**J**ika terbeli pengimbas suhu digital yang murah daripada harga pasaran, pasti ia barangang 'cap ayam', kata Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid.

Beliau berkata, KPDNHEP maklum berhubung perkara itu dan akan mengambil tinjakan susulan.

"Buat masa sekarang, kami hanya boleh menasihati peniaga dan pengguna alat pengimbas suhu digital itu supaya membelinya daripada kedai yang memang

sah serta diakui membekal alat berkenaan.


"Jangan beli daripada penjual yang tidak sah dan pastikan alat pengimbas itu mempunyai pengesahan Sirim Berhad (Sirim) bagi memastikan ia berfungsi dengan baik," katanya ketika ditemui selepas membuat lawatan pada Program Tinjauan Timbalan Menteri KPDNHEP bersama Media Terhadap Pematuhan dalam Perintah PKPP di Kuala Terengganu, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan Harian Metro berhubung alat pengimbas suhu digital produk murahan 'cap ayam' yang dijual dan diguna pakai tanpa memenuhi syarat yang ditetapkan prosedur operasi standard (SOP).

Rosol berkata, KPDNHEP tidak mempunyai peraturan khusus untuk kes berkaitan alat pengimbas suhu digital produk murahan itu.

"Bagaimanapun, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kedai atau pembekal yang menjual alat tidak berkualiti itu boleh melaporkannya kepada KPDNHEP untuk tindakan.

"Biar pun banyak kes di-



LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

laporkan di media arus perdana mengenai penjualan dan penggunaan alat pengimbas digital produk murahan itu, KPDNHEP tidak menerima sebarang laporan mengenainya," katanya.

Beliau berharap semua pihak memainkan peranan dalam menangani isu perjualan alat pengimbas digital produk murahan itu.

"Tolong jangan beli alat pengimbas digital berharga sangat murah berbanding harga pasaran kerana ia pasti barangang tidak berkualiti.

"Tidak mencapai matlamat yang ditetapkan dalam SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sekiranya alat pengimbas digital itu tidak berfungsi seperti sepatutnya," katanya.